

Singapura, Malaysia Adakan Latihan Tangani Tumpahan Kimia Di Link Kedua Tuas

Bernama

Jun 28, 2011

Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah

SINGAPURA, 28 Julai (Bernama) -- Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA) Singapura dan Jabatan Alam Sekitar Johor hari ini mengadakan latihan tindakan kecemasan menangani tumpahan kimia di Link Kedua Tuas.

NEA dalam satu kenyataan berkata program latihan itu membabitkan pelepasan bahan fenol daripada isotanker dan ditambah pula dengan pengeluaran asid nitrik serta asid sulfurik yang tumpah daripada tong kimia yang rosak di atas jalan dan di laut.

Ketua Pegawai Eksekutif NEA Andrew Tan berkata latihan bilateral itu membuktikan kerjasama erat antara kedua-dua negara dalam memastikan kedua-dua agensi bersiap sedia untuk bertindak terhadap sebarang kejadian tumpahan kimia di Link Kedua, secara lancar dan berkesan.

Ia adalah latihan kelapan untuk menguji keberkesanan operasi Pelan Latihan Kecemasan, dibangunkan bersama oleh kedua-dua agensi, sebagai sebahagian daripada program kerjasama dua hala di bawah Jawatankuasa Bersama Malaysia-Singapura Mengenai Alam Sekitar (MSJCE).

Pelan Latihan Kecemasan itu menangani sebarang kemungkinan kemalangan membabitkan kenderaan yang membawa bahan kimia berbahaya di Link Kedua Tuas.

Setiap tahun kira-kira 110,000 tan kimia berbahaya diangkut antara Malaysia dan Singapura.

Ia termasuk fenol, formaldehid, tolilena diisosianat, ammonia, asid dan alkali.

Sehingga kini tiada kemalangan membabitkan kenderaan yang membawa bahan kimia berbahaya itu di Link Kedua.

Walaupun bagaimanapun, adalah penting untuk mengadakan latihan seumpama ini untuk memastikan keselamatan pengguna di Link Kedua terjamin.

Ia juga membolehkan agensi berkaitan dalam pelan latihan kecemasan itu untuk bertindak pantas dan memberi respons berkesan untuk mengurangkan sebarang kemungkinan sekiranya kemalangan sedemikian berlaku.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=604691>